Secara keseluruhannya, pada tahun 2017, perancangan Seksyen Sirkulasi lebih menumpukan kepada peningkatan perkhidmatan dan kemudahan. Justeru, dalam Perancangan Strategik Seksyen Sirkulasi 2017 telah disenaraikan rancangan penambahbaikan dan dinaiktaraf ruang-ruang dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Antara yang diberi keutamaan adalah ruang pengguna di mana ruang-ruang tersebut dicadangkan untuk dinaiktaraf menjadi lebih mesra pengguna, selesa dan pelbagai guna. Namun begitu, projek-projek ini memerlukan peruntukan bajet yang besar di mana pelaksanaan tersebut akan dijalankan secara berterusan pada tahun hadapan.

Bagi aktiviti-aktiviti utama Seksyen Sirkulasi seperti peminjaman, pemulangan, tempahan, pembaharuan pinjaman, bayaran denda dan sebagainya, kesemua transaksi ini berjalan seperti biasa dan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan semua perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan memenuhi keperluan dan sentiasa mesra pengguna.

PENCAPAIAN

1.0 KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Keahlian perpustakaan akan didaftarkan secara automatik melalui integrasi Sistem ILMU (Integrated Library Management Utility) dan sistem yang dibangunkan oleh pihak PPPK (Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi). Semua maklumat pelajar dan staf akan disalurkan secara automatik dan pelajar tidak perlu lagi mendaftar di Kanunter Sirkulasi, Perpustakaan Laman Hikmah. Namun begitu, proses ini akan mengambil masa beberapa hari dari tarikh pelajar tersebut mendaftar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Pelajar dan staf yang baru mendaftar hanya perlu menunjukkan kad matrik atau kad staf sekiranya ingin meminjam bahan atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 11,474 orang pengguna berdaftar sebagai ahli Perpustakaan Laman Hikmah yang terdiri daripada staf, pelajar dan peserta kursus. Maklumat terperinci mengenai kategori keahlian pengguna perpustakaan adalah seperti jadual di bawah.

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

Keahlian berdaftar (aktif)


| BIL. | KATEGORI KEAHLIAN | JUMLAH (ORANG) |
|------|---------------------------------|----------------|
| 1. | Staf Akademik | 883 |
| 2. | Staf Pentadbiran | 1210 |
| 3. | Pelajar Diploma | 1390 |
| 4. | Pelajar Ijazah Sarjana Muda | 9106 |
| 5. | Pembantu Penyelidik (GRA) | 0 |
| 6. | Pelajar Ijazah Sarjana (Master) | 783 |
| 7. | Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) | 521 |
| 8. | Peserta Kursus | 1 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 11474 |

Keahlian perpustakaan juga terdiri daripada keahlian luar di mana keahlian ini adalah terbuka kepada masyarakat setempat yang berminat untuk menjadi ahli perpustakaan. Ahli perpustakaan dapat dibahagikan kepada dua iaitu keahlian merujuk dan keahlian meminjam. Keahlian merujuk adalah pengguna tersebut boleh menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kecuali peminjaman bahan perpustakaan. Manakala bagi keahlian meminjam pula, pengguna tersebut boleh menggunakan semua perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan termasuk meminjam bahan perpustakaan. Keahlian luar ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan juga dikenakan bayaran-bayaran yang telah ditetapkan.

Keahlian Luar (2017)

| BIL. | BULAN | MERUJUK (ORANG) | MEMINJAM (ORANG) |
|------|---------------|-----------------|------------------|
| 1. | Januari | 2 | 1 |
| 2. | Februari | 1 | 0 |
| 3. | Mac | 0 | 0 |
| 4. | April | 1 | 1 |
| 5. | Mei | 0 | 0 |
| 6. | Jun | 0 | 0 |
| 7. | Julai | 0 | 0 |
| 8. | Ogos | 72 | 0 |
| 9. | September | 1 | 0 |
| 10. | Oktober | 0 | 0 |
| 11. | November | 2 | 0 |
| 12. | Disember | 3 | 0 |
| | JUMLAH | 82 | 2 |

Statistik Keahlian Luar 2017




Pendaftaran keahlian luar pada tahun 2017 adalah seramai 84 orang yang meliputi keahlian merujuk adalah seramai 82 orang dan keahlian meminjam adalah seramai 2 orang. Jumlah pendaftaran keahlian luar pada tahun 2017 adalah menurun sebanyak 38 orang di mana seramai 119 orang ahli luar yang berdaftar pada tahun 2016. Namun begitu berlaku peningkatan jumlah keahlian luar yang merujuk di mana peningkatan sebanyak 7 orang yang berdaftar sebagai ahli luar merujuk pada tahun 2017 berbanding 75 orang pada tahun 2016. Keahlian meminjam pula menunjukkan penurunan sebanyak 42 orang di mana hanya 2 orang ahli luar yang meminjam berbanding dengan 44 orang yang meminjam pada tahun 2016. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah ahli luar perpustakaan adalah pendaftaran pelajar Kolej Yayasan Saad Berhad (KYSB) sebagai ahli luar perpustakaan UTeM pada tahun 2017 adalah berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah kerana pelajar Kolej Yayasan Saad (KYSB) merupakan penyumbang jumlah keahlian yang ramai sebagai ahli luar Perpustakaan Laman Hikmah.

2.0 KUNJUNGAN PENGGUNA

Kunjungan pengguna adalah meliputi kunjungan pengguna secara fizikal dan maya. Kunjungan pengguna secara fizikal adalah merujuk kepada kehadiran pengguna ke perpustakaan manakala pengguna maya adalah statistik kunjungan pengguna ke portal Perpustakaan Laman Hikmah. Secara keseluruhan, jumlah kehadiran pengguna bagi tahun 2017 adalah sebanyak 457, 031 orang berbanding dengan 567, 701 orang pada tahun 2016. Statistik kehadiran bagi tahun 2017 ini menunjukkan peratus penurunan sebanyak 19.5%.

| Tahun | Jumlah Kehadiran Pengguna |
|-------|---------------------------|
| 2016 | 567, 701 orang |
| 2017 | 457, 031 orang |



Kunjungan Pengguna (Fizikal)


Jadual di bawah menunjukkan statistik kunjungan pengguna fizikal sepanjang tahun 2017 dan 2016. Pada tahun 2017, jumlah pengunjung yang hadir ke perpustakaan adalah sebanyak 240,042 orang berbanding 285, 543 orang pengguna yang berkunjung ke perpustakaan pada tahun 2016. Statistik ini menunjukkan jumlah pengunjung pada tahun 2017 adalah menurun sebanyak 45, 501 orang (15.9%).

| Bulan | Kunjungan Pengguna (2017) | Kunjungan Pengguna (2016) |
|----------|---------------------------|---------------------------|
| Januari | 6, 616 | 6, 879 |
| Februari | 11, 486 | 7, 325 |
| Mac | 24, 334 | 28, 390 |
| April | 19, 707 | 21, 059 |
| Mei | 29, 272 | 29, 533 |

| Tahun | Jumlah Kehadiran Pengguna (Fizikal) |
|-------|-------------------------------------|
| 2016 | 285, 543 orang |
| 2017 | 240, 042 orang |

| | | |
|---------------|-----------------|-----------------|
| Jun | 12, 204 | 31, 427 |
| Julai | 4, 991 | 8, 796 |
| Ogos | 2, 547 | 6, 281 |
| September | 19, 704 | 24, 094 |
| Oktober | 28, 911 | 33, 363 |
| November | 35, 389 | 49, 523 |
| Disember | 44, 881 | 38, 873 |
| Jumlah | 240, 042 | 285, 543 |

KEHADIRAN PENGGUNA (FIZIKAL) 2016 & 2017



Graf Perbandingan Statistik Kehadiran Pengguna (Fizikal) 2016 & 2017

Penurunan jumlah kehadiran yang berlaku sebanyak 15.9% pada tahun 2017 ini adalah disebabkan oleh perubahan medium pembelajaran itu sendiri di mana 'Google' banyak mempengaruhi para pengguna dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Selain itu, kemudahan wi-fi di mana-mana di sekitar kampus juga memudahkan para pelajar untuk mendapatkan maklumat melalui Internet. Dengan kemudahan pengaksesan Internet yang mudah ini, pengguna dapat mencari maklumat yang diperlukan sama ada di kelas, asrama mahupun di kafe. Majoriti pengguna Perpustakaan Laman Hikmah adalah terdiri daripada Gen Y dan Gen Z. Menurut *Pengarah Urusan Lunatots, Siti Nur Suraya Mohamed Ali*, kelompok Generasi Y dan Generasi Z inginkan sesuatu secara pantas. Justeru, mengakses maklumat di lokasi yang terdekat adalah lebih menjadi pilihan berbanding menuju ke perpustakaan.

Kemudahan penggunaan wi-fi secara percuma di restoran-restoran juga salah satu faktor yang menyumbang kepada kurangnya kunjungan pengguna ke perpustakaan. Ini adalah kerana di restoran-restoran terutama sekali di restoran makanan segera yang menyediakan perkhidmatan 24 jam akan memberikan lebih kelonggaran tanpa terikat dengan peraturan-peraturan tertentu seperti di perpustakaan. Selain itu, Gen Y dan Gen Z juga tidak suka terikat dengan peraturan dan undang-undang. Seperti yang kita semua ketahui, untuk memasuki perpustakaan, setiap pengguna perlulah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kepada semua pengguna. Dengan itu, pilihan untuk menelaah pelajaran luar dari perpustakaan adalah pilihan utama berbanding menghabiskan masa belajar di perpustakaan.


Kunjungan Pengguna (Maya)

| Bulan | Kunjungan Pengguna Maya (2017) | Kunjungan Pengguna Maya (2016) |
|---------------|--------------------------------|--------------------------------|
| Januari | 33,311 | 24,507 |
| Februari | 37,636 | 16,320 |
| Mac | 22,068 | 27,543 |
| April | 14,833 | 26,091 |
| Mei | 19,013 | 25,619 |
| Jun | 13,583 | 23,632 |
| Julai | 3,188 | 16,905 |
| Ogos | 3,825 | 21,836 |
| September | 8,853 | 25,598 |
| Oktober | 19,386 | 34,655 |
| November | 19,432 | 29,302 |
| Disember | 21,861 | 10,150 |
| Jumlah | 216,989 | 282,158 |

| Tahun | Jumlah Kehadiran Portal |
|-------------|-------------------------|
| 2016 | 282,158 |
| 2017 | 216,989 |


Kehadiran pengguna secara maya juga menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2017 dengan 216,989 berbanding dengan tahun 2016 mencatatkan 282,158 perbezaan sebanyak 65,169 atau 23.1%. Penurunan ketara kunjungan pengguna secara maya ini dapat dilihat bermula bulan Julai sehingga September kerana perubahan kaedah pengiraan bilangan kekerapan kunjungan pengguna ke Portal Perpustakaan Laman Hikmah. Ini adalah kerana ketiga-tiga bulan tersebut telah mengalami pertukaran kaedah pengiraan secara 'hits' kepada 'Google Analytics'. Jumlah ketiga-tiga bulan ini amatlah mempengaruhi terutama sekali bagi bulan September di mana kemasukan pelajar-pelajar baharu yang merupakan salah satu penyumbang kepada pengguna yang melayari portal perpustakaan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang dapat membantu mereka menyelesaikan tugas.

KEHADIRAN PENGGUNA (MAYA) 2016 & 2017



Graf Perbandingan Kunjungan Pengguna (Portal) 2016 & 2017

3.0 PINJAMAN BAHAN



Graf Statistik Perbezaan Pinjaman 2016 & 2017

Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi tahun 2017 adalah sebanyak **22, 920 naskah** berbanding dengan pencapaian bagi tahun 2016 sebanyak **28,211 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **5, 291 naskah**. Peratus penurunan adalah sebanyak 18.8% berbanding tahun 2016. Walaupun beberapa usaha telah dijalankan oleh Perpustakaan Laman Hikmah seperti pameran bahan baru, 'doorstep delivery', Anugerah Peminjam Terbanyak, kemudahan Library Navigator yang memudahkan pengguna mencari bahan di rak, penggabungan bahan folio bersama bahan-bahan di rak terbuka yang lain yang lebih memudahkan pengguna mendapatkan bahan yang dikehendaki serta pinjaman jangka panjang. Segala usaha ini dijalankan bagi menarik minat pengguna untuk meminjam bahan-bahan yang disediakan di Perpustakaan Laman Hikmah.

Namun begitu, jumlah peminjaman bahan pada tahun 2017 masih lagi menurun sehingga 18.8% kurang berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor yang dikenalpasti menjadi punca penurunan jumlah pinjaman bahan ini adalah kerana pelbagai medium dan kemudahan yang disediakan di UTeM terutama sekali oleh pensyarah itu sendiri. UTeM sendiri telah membangunkan satu system ULearn yang mengandungi nota-nota kuliah, video kuliah, aktiviti-aktiviti-aktiviti lain yang disediakan seperti kuiz, forum dan sebagainya yang disediakan sendiri oleh pensyarah berkenaan. Teknologi e-book yang semakin meningkat juga menyumbang kepada pengaruh penurunan pinjaman bahan perpustakaan kerana pelajar tidak perlu lagi bersusah payah ke perpustakaan atau menggondong buku, tetapi mereka hanya perlu menggerakkan jari mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

| Bulan | Naskah Pinjaman Bahan (2017) | Naskah Pinjaman Bahan (2016) |
|---------------|------------------------------|------------------------------|
| Januari | 1176 | 747 |
| Februari | 1582 | 1755 |
| Mac | 3081 | 2821 |
| April | 2353 | 2095 |
| Mei | 3280 | 2782 |
| Jun | 2383 | 1355 |
| Julai | 762 | 609 |
| Ogos | 904 | 507 |
| September | 2480 | 2002 |
| Oktober | 3049 | 2758 |
| November | 4310 | 3012 |
| Disember | 2851 | 2477 |
| Jumlah | 22, 920 | 28, 211 |

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|-------|--------------------------------------|
| 2016 | 28, 211 |
| 2017 | 22, 920 |


Jadual Statistik Peminjaman Bahan Tahun 2016 & 2017

4.0 PENGGUNAAN RUANG

Selain menyediakan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan, Perpustakaan Laman Hikmah juga menyediakan kemudahan penggunaan ruang dan bilik bagi semua pengguna perpustakaan di ketiga-tiga kampus. Setiap cawangan menyediakan kemudahan bilik yang boleh digunapakai sama ada ditempah oleh pengguna mahupun pensyarah. Tatacara pengguna bilik ini adalah melalui Sistem Tempahan Bilik menggunakan e-Calendar yang disediakan oleh PPPK. Setiap cawangan akan menguruskan bilik tersebut dengan diuruskan oleh 'admin' yang telah dilantik.

Berikut merupakan statistik penggunaan ruang dan bilik di Perpustakaan Laman Hikmah bagi tahun 2016 dan 2017. Secara keseluruhan, penggunaan ruang dan bilik bagi tahun 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak 5, 695 orang iaitu 11%.

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|-------|--------------------------------------|
| 2016 | 46,386 |
| 2017 | 52,081 |



Graf Perbandingan Statistik Penggunaan Ruang 2016 & 2017

Peningkatan jumlah penggunaan ruang dan bilik bagi tahun 2017 ini adalah disebabkan pengguna sudah menyedari perkhidmatan bilik dan ruang yang terdapat di perpustakaan. Ini juga adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat yang mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan di Perpustakaan Laman Hikmah. Selain itu, tempahan bilik menggunakan e-Calendar juga memudahkan pengguna untuk menempah bilik dan ruang yang ingin digunakan dengan lebih cepat dan mudah.

Faktor lain yang mempengaruhi kenaikan jumlah penggunaan bilik dan ruang di perpustakaan adalah, kemudahan yang diberikan kepada pengguna di mana tiada had atau syarat tempahan untuk kategori pengguna yang akan menempah bilik tersebut. Pelajar dibenarkan menempah bilik tersebut walaupun tanpa pensyarah. Namun masih terdapat syarat-syarat lain yang mudah untuk dipatuhi oleh pengguna perpustakaan.



5.0 PENGGUNAAN KOMPUTER

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|-------|--------------------------------------|
| 2016 | 18,820 |
| 2017 | 12,830 |

Kemudahan penggunaan komputer bagi pengaksesan Internet dan menyiapkan tugas juga ada disediakan di ketiga-tiga perpustakaan. Jadual di atas menunjukkan statistik penggunaan komputer di mana pada tahun 2017 hanya 12,830 orang yang menggunakan komputer di perpustakaan berbanding dengan tahun 2016 yang menunjukkan seramai 18,820 orang yang menggunakan komputer. Perbezaan sebanyak 5,990 orang ini menunjukkan penurunan jumlah orang yang menggunakan komputer iaitu sebanyak 31.8%. Jumlah yang ketara bukanlah menunjukkan bahawa kemudahan komputer yang disediakan ini sudah tidak relevan lagi di perpustakaan kerana masih ada pengguna yang sering menggunakan komputer di perpustakaan sebagai salah satu alat bantuan dalam menyelesaikan tugas mereka.

Antara factor yang dikenalpasti melalui pemerhatian yang dilakukan adalah kebanyakan pelajar telah memiliki komputer riba dan tablet yang lebih mudah dan ringan untuk dibawa ke mana-mana. Selain itu, banyak tawaran menarik bagi pembelian komputer riba dan tablet di luar sana yang mempengaruhi para pelajar untuk mendapatkannya dengan lebih mudah.

6.0 KEMUDAHAN MESIN LAYAN DIRI

Bagi memberikan perkhidmatan yang cepat dan mesra pengguna, Perpustakaan Laman Hikmah telah menyediakan perkhidmatan Mesin Layan Diri yang terdiri daripada 'Selfcheck Machine' bagi peminjaman bahan dan 'BookDrop' bagi pemulangan bahan 24 jam. Kedua-dua mesin ini adalah di bawah pengawasan Seksyen Sirkulasi. Sekiranya berlaku kerosakan ataupun masalah pada mesin ini, Seksyen Sirkulasi akan memaklumkan masalah tersebut kepada Seksyen Automasi untuk tindakan selanjutnya.

Jadual di bawah menunjukkan penggunaan Mesin Layan Diri bagi tahun 2017 dan 2016. Pada tahun 2017, penggunaan Mesin Pinjaman Bahan (Selfcheck Machine) adalah sebanyak 6, 003 transaksi berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 3, 196 transaksi. Namun begitu, bagi penggunaan Mesin Pemulangan Bahan (Bookdrop) pula menunjukkan penurunan di mana pada tahun 2017, hanya 490 transaksi sahaja yang dilakukan berbanding 1, 094 transaksi bagi tahun 2016.

| Tahun | Mesin Pinjaman Bahan | Mesin Pemulangan Bahan |
|-------|----------------------|------------------------|
| 2016 | 3, 196 | 1, 094 |
| 2017 | 6, 003 | 490 |

Antara faktor kepada penurunan penggunaan Mesin Pemulangan Bahan ini adalah kerana kekerapan mesin tersebut tidak berfungsi adalah kerap. Ini berlaku kerana, sekiranya berlaku kerosakan pada 'Bookdrop' tersebut, pihak perpustakaan akan menghubungi pihak pembekal bagi membaiki mesin tersebut. Ini menyebabkan proses pembaikan mesin tersebut mengambil masa yang agak lama kerana pembekal tersebut hanya akan datang sekiranya jadual tidak bertindih atau tidak berada di luar kawasan.

7.0 SEWAAN LOKER 2017

Berikut adalah statistik sewaan loker sepanjang tahun 2017 bagi ketiga-tiga kampus.

| | JUMLAH LOKER | JUMLAH YANG DISEWA |
|-------------------------|--------------------------------|--------------------|
| Kampus Induk | 96 loker kecil, 56 loker besar | Semua |
| Kampus Teknologi | 60 buah loker | 40 buah loker |
| Kampus Bandar | 102 loker kecil | 96 buah loker |

8.0 PERKHIDMATAN HOVERBOARD (SWEGWAY)

Bermula Jun 2016 Perpustakaan memperkenalkan penggunaan Segway kepada penggunanya. Perkhidmatan ini dilancarkan oleh Yg Bhg Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib Naib Canselor UTeM semasa Majlis Pelancaran Perkhidmatan Baharu. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah bagi membolehkan pengguna merasai kehadiran teknologi ini dan memberikan satu kelainan kepada perkhidmatan yang biasa perpustakaan tawarkan. Untuk makluman juga, Perpustakaan UTeM merupakan perpustakaan Universiti Awam pertama yang menyediakan perkhidmatan Segway. Sehingga Disember 2016, penggunaan perkhidmatan Segway ini adalah sebanyak 891 penggunaan yang merangkumi 5 buah Segway.

Namun begitu, pencapaian penggunaan Swegway bagi tahun 2017 adalah menurun kepada 660 penggunaan di mana penurunan sebanyak 231 penggunaan. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah penggunaan Swegway ini adalah kerana dua daripada Swegway yang ada telah rosak dan sudah tidak boleh digunakan lagi. Ini menyebabkan penggunaan Swegway sangat terhad terutama ketika kesemua Swegway digunakan serentak dan semasa ianya dicas.

9.0 PROJEK ADHOC

Seksyen Sirkulasi telah menjalankan beberapa projek adhoc seperti berikut:

| Projek/ Aktiviti | |
|-------------------------|--|
| Kampus Induk | <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyusunan semula bahan-bahan rujukan 2. Perpindahan bahan folio ke rak terbuka 3. Pengasingan Projek Sarjana Muda FKM/FTK dan FPTT |
| Kampus Teknologi | <ol style="list-style-type: none"> 1. Keceriaan di ruang pengguna 2. Penstrukturan semula kedudukan kerusi, meja pengguna dan rak 3. Penempatan Projek Sarjana Muda FKM/FTK |
| Kampus Bandar | <ol style="list-style-type: none"> 1. Keceriaan ruang pengguna 2. Penempatan Projek Sarjana Muda FPTT |

10.0 PROJEK BERTERUSAN



| Projek/ Aktiviti | Status Terkini |
|---|--|
| Kampus Induk <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan kadar denda baru dan pemotongan gaji bagi denda yang tertunggak 2. Pelaksanaan Pengoperasian Perpustakaan 24 Jam 3. Naiktaraf Ruang Pengguna Aras 1 4. Pembangunan Galeri Perpustakaan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Penggunaan kadar denda baru bermula 2 Januari 2018. 2. Kelulusan projek menaiktaraf bagi pelaksanaan pengoperasian perpustakaan 24 jam telah diluluskan. 3. Draf lakaran design galeri akan dibentangkan kepada pengurusan perpustakaan |
| Kampus Teknologi <ol style="list-style-type: none"> 1. Naiktaraf Ruang Pengguna | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menunggu maklumbalas dari Pejabat Pembangunan |
| Kampus Bandar <ol style="list-style-type: none"> 1. Penambahan ruang pengguna | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menunggu maklumbalas dari Pejabat Pembangunan |

KESIMPULAN

Seksyen Sirkulasi telah mencapai hampir 100% projek-projek yang dirancang kecuali projek menaiktaraf ruang pengguna di ketiga-tiga kampus kerana ianya melibatkan pelaksanaan daripada pihak ketiga yang memerlukan perhatian dan komitmen daripada pihak tersebut. Bagi projek-projek lain yang telah dirancang untuk dilaksanakan di setiap cawangan, keseluruhannya Berjaya disiapkan seperti yang telah dirancang.

Namun begitu, bagi statistik pencapaian perkhidmatan dan kemudahan di bawah pengawasan Seksyen Sirkulasi, hanya penggunaan ruang dan bilik sahaja yang menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2016. Bagi penurunan statistik pinjaman bahan dan kunjungan pengguna, beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut bagi meningkatkan pencapaian statistik kedua-dua perkhidmatan tersebut:

1. Kerjasama daripada pensyarah agar mewajibkan bahan-bahan rujukan bagi pembelajaran atau tugas menggunakan buku-buku yang terdapat di perpustakaan. Pensyarah tersebut boleh mewajibkan buku-buku di Perpustakaan Laman Hikmah sebagai salah satu daripada bahan rujukan yang akan dimasukkan di dalam senarai 'reference' dalam Projek Sarja Muda setiap pelajar.
2. Kerjasama daripada pensyarah juga diperlukan bagi cadangan bahan-bahan rujukan yang akan dijadikan sebagai bahan rujukan pelajar
3. Peningkatan aktiviti yang menarik dan dapat menarik miniat pengguna untuk berkunjung ke perpustakaan
4. Peraturan perpustakaan yang lebih mesra pengguna dan memenuhi golongan-golongan generasi pengguna terutama Generasi Y dan Z
5. Penambahan ruang santai dan 'meeting point' yang dapat memberikan kemudahan kepada pengguna untuk berdiskusi dengan lebih terbuka
6. Penambahan soket dan port Internet bagi memudahkan penggunaan komputer riba oleh pelajar
7. Kemudahan perkhidmatan dan kemudahan lain yang akan dapat menarik minat pengguna untuk menjadikan perpustakaan sebagai 'second home'

Kesimpulannya, dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan di Perpustakaan Laman Hikmah, Seksyen Sirkulasi telah merancang pelbagai projek dan aktiviti bagi tahun 2018 untuk keselesaan pengguna. Seksyen Sirkulasi juga akan sentiasa meningkatkan perkhidmatan terutama sekali ketika berkomunikasi dan berurusan dengan pengguna.



AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN KEPADA PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Penjenamaan semula Perpustakaan UTeM kepada Perpustakaan Laman Hikmah bermula apabila satu Pertandingan Penamaan Bangunan-bangunan dan Tasik di Kampus Induk UTeM telah diadakan pada 26 Februari hingga 25 Mac 2016 dan terbuka khususnya kepada staf dan pelajar. Pertandingan terbahagi kepada beberapa kategori meliputi Bangunan Dewan Besar, Bangunan Perpustakaan, Bangunan Kompleks Sukan, Bangunan Kolej Kediaman Pelajar dan Tasik.

Pada awalnya pelbagai nama telah dicadangkan oleh para peserta seperti Al-Hikmah, Baitul Hikmah UTeM dan Bayt Al-Hikmah. Ada juga yang mencadangkan nama-nama tokoh ilmuan terkenal, pemimpin negara dan negeri serta nama-nama lain yang bersesuaian.

Namun begitu ahli-ahli Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 2 Tahun 2017 yang bersidang pada 16 Februari 2017 telah membincangkan nama-nama tersebut dan memutuskan bahawa nama Laman Hikmah akan menggantikan nama Perpustakaan UTeM. Ini merujuk kepada fungsi perpustakaan yang telah berubah bukan sahaja menjadi gedung ilmu malah menjadi tempat pertemuan untuk warga UTeM. Penjenamaan semula perpustakaan ini bertujuan untuk meningkatkan imej korporat dan memperkasakan lagi fungsi perpustakaan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di samping dapat meningkatkan reputasi dan kredibiliti Universiti secara amnya

Nama Laman Hikmah secara rasminya telah dilancarkan bersama nama Dewan Canselor dan nama-nama tasik oleh Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM pada 14 September 2017 dalam Majlis Pelancaran Nama Bangunan dan Tasik UTeM dan Perasmian Pesta Buku & Multimedia UTeM 2017 di Dewan Canselor UTeM.

Menerusi Pekeliling Pentadbiran Bilangan 58 Tahun 2017 iaitu Penjenamaan Semula Perpustakaan Kepada Perpustakaan Laman Hikmah UTeM, Perpustakaan UTeM telah dijenamakan semula sebagai Perpustakaan Laman Hikmah menerusi kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 11 Tahun 2017 yang bersidang pada 23 November 2017.

Dari segi definisinya, laman atau halaman bermaksud tanah lapang di hadapan atau di perkarangan rumah manakala hikmah pula berasal daripada bahasa Arab bermaksud kebijaksanaan, kecerdikan dan kebestarian.

Mengikut tradisi masyarakat Melayu Melaka, laman berfungsi sebagai pelengkap kediaman dan menjadi perlambangan gaya hidup pemiliknya. Keindahan laman yang dicipta menerusi pelbagai konsep pilihan memberi peluang kepada keluarga untuk bersantai, mengadakan aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Perpustakaan Laman Hikmah pula akan menjadi laman kepada UTeM di mana di sini selain aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu terdapat juga aktiviti santai yang menjadi tarikan kepada Gen Y untuk bertemu dan berbincang bagi mengisi masa terluang mereka.

PESTA BUKU DAN MULTIMEDIA UTeM

Pesta Buku & Multimedia UTeM 2017 anjuran Perpustakaan Laman Hikmah telah diadakan di Dewan Canselor UTeM pada 14 hingga 16 September 2017. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM.

Pesta buku ini bermula dari jam 9 pagi hingga 7 petang dan terdapat 40 buah reruai jualan buku pelbagai genre oleh pempamer yang boleh didapati pada program tersebut seperti buku akademik, fiksi dan bukan fiksi, novel, buku agama, buku aktiviti kanak-kanak dan lain-lain genre. Selain itu, terdapat juga jualan lain seperti *food trucks*, jualan pakaian, aksesori wanita, dan promosi dari syarikat-syarikat komunikasi seperti TM, CELCOM, dan redONE.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang tiga hari pesta buku ini berlangsung seperti :-

- Sesi Motivasi oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor & Ceramah Santai oleh Ustaz Don Daniyal Bin Don Biyajid serta Ustaz Nushi dari
- KUISCELL Pertandingan Video Pendek
- Sesi Bersama Penulis (Maria Kajiwa & Azzah AR)
- Pertandingan Selfie
- Pertandingan Teka Buku Misteri
- Pertandingan Sayembara Puisi
- Pertandingan Mewarna
- Pertandingan Bercerita Tema "1 Malaysia"
- Pertandingan Kolaj
- Pertandingan Sudoku

Pesta buku ini merupakan anjuran pertama oleh Perpustakaan Laman Hikmah dan ianya menampilkan hasil yang positif selain ingin memupuk minat membaca di kalangan warga UTeM khususnya dan penduduk setempat amnya.

PESTA BUKU & Multimedia UTeM
 "MERINTIS ILMU, MENGUASAI DUNIA" UTeM
 MASUK ADALAH PERCUMA

Sesi Motivasi
 Prof. Abdul Taib Mahmud
 Menteri Pendidikan, Malaysia
 & Menteri Besar Sarawak
 & Menteri KEMAMPUAN
 & Masyarakat Negeri Sarawak

Ceramah Santai
 KUISCELL
 Dr. Yusoff Yusoff

14-16 September 2017 | Dewan Besar, UTeM
 9.00 pagi - 7.00 malam


14 September 2017
KRAMES
 - PERNYATAAN PERISA BUKU & MULTIMEDIA UTAM
 PELAKSANAAN OLAH RAGAM PASTI BUKU UTAM
 PELENGKAPAN BUKU & MULTIMEDIA & PASTI BUKU
 14.30 jam - 1.00 petang

15 September 2017
JUMAAT
 - Sesi Motivasi oleh Prof. Abdul Taib Mahmud
 "Persepsi Duit, Meringkang Pelupuk"
 10.00 jam - 11.30 petang
 - Ceramah Santai oleh KUISCELL
 "Ruang Ilmu: Ruang Zaman"
 1.00 petang - 3.00 petang

16 September 2017
SABTU
 - Pertandingan Selfie
 11.00 jam - 12.00 petang
 - Sesi Motivasi oleh Prof. Yusoff Yusoff
 "Ruang Ilmu: Ruang Zaman"
 11.00 jam - 11.30 petang
 - Pertandingan Industri & Masyarakat
 11.00 jam - 1.00 petang
 - Pertandingan MULA / Pertandingan Peningkat
 1.00 petang - 3.00 petang
 - Sesi Motivasi oleh Prof. Yusoff Yusoff
 "Ruang Ilmu: Ruang Zaman"
 3.00 petang - 5.00 petang

Bertandingan Selfie
 Pertandingan Selfie
 Pertandingan Selfie

UtEM
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 Jalan Hang Tuah, 76100 Durian Tunggal, Melaka
 Tel: 06-76340000
 Fax: 06-76340001
 E-mail: info@utem.edu.my
 Website: www.utem.edu.my





اوپورسيي پيسپيكل مليسيا ملاك
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENSIJILAN ISO 9001:2015 PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH UTeM

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah memperolehi Pensijilan MS ISO 9001:2008 mulai 12 Ogos 2011. Perpustakaan Laman Hikmah kini telah menaiktaraf Pensijilan MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 dan telah disahkan dan diiktiraf oleh pihak SIRIM QAS dengan penganugerahan Pensijilan ISO 9001:2015 bermula 19 September 2017 sehingga 11 Ogos 2020. Usaha menaiktaraf ini adalah selari dengan Standard ISO yang berfokuskan Prinsip Pengurusan Risiko.

Pengiktirafan itu sekaligus menjulang Perpustakaan Laman Hikmah sebagai PTJ pertama di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang menerima Pensijilan MS ISO 9001:2015.

Kejayaan memperolehi pensijilan baru ini adalah hasil kerjasama serta komitmen tinggi yang diberikan oleh semua pustakawan dan keseluruhan staf Perpustakaan Laman Hikmah. Kejayaan ini telah memberikan impak tinggi kepada kelangsungan perkhidmatan Perpustakaan Laman Hikmah yang berkualiti, berfokus pelanggan serta mengambil kira aspek pengurusan risiko dalam setiap proses kerja yang dijalankan.

SIRIM QAS **IO-Net**
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

SIJIL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA CERTIFICATE

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan anugerahannya telah
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
LAMAN HIKMAH
PAWU TUAN JAYA
71000 DURIAN TUNGGAL
MELAKA
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mematu
ISO 9001:2015
 QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pengiraan
PEKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Tarikh dikeluarkan: 19 September 2017
 Tempoh sah: 19 September 2017 - 11 Ogos 2020
 No. Pengiraan: QMS 02379

IO-Net and SIRIM QAS International hereby certify that
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
LAMAN HIKMAH
PAWU TUAN JAYA
71000 DURIAN TUNGGAL
MELAKA
MALAYSIA

has implemented and maintains a
QUALITY MANAGEMENT SYSTEM
 which fulfils the requirements of the following standard
ISO 9001:2015
 for the following activities
PROVISION OF LIBRARY SERVICES.

Issued on: 19 September 2017
 Validity date: 11 August 2020
 Certification Number: MY-QMS 02379

Mohd Azamudin Salleh
 Pengarah Urusan
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Mohd Azamudin Salleh
 Managing Director
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

POLISH PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Kumpulan KIK POLISH telah ditubuhkan pada 18 November 2015.

POLISH telah meraih anugerah Johan dan Persembahan Terbaik di Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Universiti Teknikal Malaysia, Melaka kali ke-3. Selain daripada itu POLISH turut mendapat Penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2017 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 24-25 Julai 2017.

Pada 1-3 Ogos 2017, POLISH telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Universiti Awam di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan mendapat penarafan Perak di konvensyen tersebut.

POLISH turut mendapat penarafan Emas Tiga Bintang di Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (INTEX) 2017 Anjuran MPC (Perbadanan Produktiviti Negara yang telah diadakan pada 14 hingga 16 November 2017 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting (GICC).

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك



Anugerah Persembahan Terbaik
Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif
Peringkat Universiti Teknikal Malaysia,
Melaka
Kali Ke-3



Johan Kategori Pengurusan
Konvensyen Kumpulan Inovatif &
Kreatif
Peringkat Universiti Teknikal
Malaysia, Melaka Kali Ke-3



Penarafan Emas

Konvensyen Team Excellence
Wilayah Tengah 2017 di Putrajaya
International Convention Centre
(PICC)
24-25 Julai 2017



Penarafan Perak

Konvensyen Kumpulan Inovatif &
Kreatif
Peringkat Universiti Awam di Universiti
Malaysia Perlis (UniMAP)
1-3 Ogos 2017



Penarafan Emas 3 Bintang

Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan
(INTEX) Anjuran MPC (Perbadanan Produktiviti
Negara), di Genting Highland

INTERNATIONAL INNOVATION & DESIGN IN LIBRARY & INFORMATION SCIENCE COMPETITION 2017 (InDeLib)

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah menyertai InDeLib 2017 pada 13 September 2017 bertempat di Dewan Tun Abu Zahar, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur dan berjaya meraih Anugerah Perak bagi projek " Library Navigator" dalam Kategori Ciptaan (Kategori A: Organisasi). Perpustakaan Laman Hikmah terdiri daripada lima orang ahli yang diketuai oleh Nurul Akmar Mehat, Muhammed Rashid Mat Derus, Kamariah Kamis, Suzana Lazim dan Mohd Hannif Jamaludin.

Sebanyak 76 projek telah dipertandingkan di mana ianya terbahagi kepada tiga kategori iaitu ciptaan, inovasi dan rekabentuk. Bagi kategori ciptaan, sebanyak 20 projek telah bertanding dan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah menerima anugerah Perak manakala anugerah Emas telah dimenangi oleh Perpustakaan Sultan Zainal Abidin (UniSZa).

Antara kriteria penilaian adalah seperti berikut :

- Originality (Novelty and Uniqueness)
- Creativity (Creative and Innovative Idea)
- Practically (Useful in solving problem)
- Thoroughness (Level of completeness of the project)

Selain itu, projek yang berjaya akan dipamerkan di dalam "Library Boulevard" semasa World Library and Information Congress (WLIC) 2018 anjuran International Federal of Library Association and Institutions (IFLA). Pertandingan ini merupakan penyertaan kali pertama oleh Perpustakaan Laman Hikmah dan merupakan satu pengalaman yang cukup bermakna selain menjadi platform untuk membangunkan kredibiliti perpustakaan dan profesion Pustakawan sebagai agen pelengkap kepada usaha pembelajaran sepanjang hayat.



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERANAN PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH DALAM MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN PENYELIDIKAN DI UTeM

Penganjuran Kursus/Bengkel Penerbitan Berimpak Tinggi oleh Unit Bantuan Penyelidikan, Seksyen Rujukan Perpustakaan Laman Hikmah komited dalam menyokong kecemerlangan penyelidikan dan inovasi universiti seiring dengan tema *Merintis Teknologi Hadapan*. Pelbagai kursus dan bengkel dilaksanakan dengan menjemput pakar dalam bidang penerbitan di peringkat UTeM, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, Unit Bantuan Penyelidikan berperanan aktif dengan pihak fakulti, CoE (Centre of Excellent), RG (Research Group) dan UTeMASA dalam menyediakan maklumat dan perkongsian penerbitan berimpak.

Jadual 1: Kursus/Bengkel Penerbitan Berimpak Tinggi

| Bil. | Tarikh | Aktiviti | Penceramah | Yuran | Peserta |
|---------------|------------|---|--|-------|------------|
| 1) | 31/05/17 | Research Series: Strategy to write research papers | Prof Madya Dr Zahriladha Zakaria (CeTRI) | Ya | 50 |
| 2) | 20/09/17 | Guide to Getting Published | Mr. Alvin (Emerald) | Ya | 7 |
| 3) | 10/05/17 | Research series: How to increase paper Citation & h-index | Prof Dr Burairah Hussin (C-ACT) | Ya | 13 |
| 4) | 1-2 /11/17 | Bengkel "Writing & Publishing In High Impact Journals" | Prof Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail (TNCPI, UTM) | Ya | 28 |
| 5) | 12/12/17 | MCC's Talk: Managing and Measuring Scholarly Output | Prof Madya Dr Zuraidah Abdul Manaf (Pusat Sitasi Malaysia) | Tidak | 51 |
| 6) | 21/12/17 | One day Research Series@Library | Prof Madya Dr Azma Putra (CARE) & Prof Madya Dr Noraiham Mohamad (AMC) | Ya | 10 |
| JUMLAH | | | | | 159 |

| Bil. | Tarikh | Aktiviti | Lokasi | Peserta |
|---------------|----------|----------------------------------|-------------------------|------------|
| 1) | 25/01/17 | SCOPUS session @ FPTT | SMARTLAB, Kampus Bandar | 25 |
| 2) | 01/02/17 | Kursus Literasi Maklumat | Bilik Pangkalan Data | 26 |
| 3) | 08/02/17 | Turnitin Training | Bilik Pangkalan Data | 46 |
| 4) | 22/02/17 | Mendeley | Bilik Pangkalan Data | 1 |
| 5) | 23/02/17 | Science Direct & Scopus Training | Bilik Pangkalan Data | 58 |
| 6) | 01/03/17 | Emerald Training | Bilik Pangkalan Data | 23 |
| 7) | 22/03/17 | Library Outreach @ FTMK | Makmal Eksekutif, FTMK | 4 |
| 8) | 29/03/17 | IEEE Training | Bilik Pangkalan Data | 15 |
| 9) | 30/03/17 | ASTM Training | Bilik Pangkalan Data | 10 |
| 10) | 24/05/17 | EBSCO Resources Workshop | Bilik Pangkalan Data | 8 |
| 11) | 14/06/17 | Library Outreach @ FKEKK | BK 17, FKEKK | 38 |
| 12) | 21/06/17 | Library Outreach @ FKP | Auditorium PPS | 25 |
| 13) | 18/08/17 | Library Outreach @ CeRIA | Bilik Mesyuarat FKE | 24 |
| JUMLAH | | | | 303 |

Jadual 2: Aktiviti Perkongsian dan Penyebaran Maklumat

PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG LAMAN WEB PTJ UTeM

Laman Web Perpustakaan Laman Hikmah telah diiktiraf sebagai satu-satunya laman web PTj yang mendapat 5 bintang daripada UTeM dalam Mesyuarat Penyelaras Laman Web PTj Bil.2/2017 pada 28 Disember 2017.

Perancangan pembangunan laman web perpustakaan yang baharu bermula pada tahun 2016 dengan penyediaan *layout* dan rekabentuk oleh Ketua Seksyen Automasi dan seterusnya penyediaan template dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK). Pembangunan laman web perpustakaan yang baharu memberi fokus kepada paparan yang lebih interaktif dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna. Portal perpustakaan baharu telah boleh diakses sepenuhnya pada 5 Disember 2016 di laman sesawang <http://library.utem.edu.my>

Bagi tahun 2017, Seksyen Automasi yang bertanggungjawab menguruskan portal Perpustakaan Laman Hikmah telah melaksanakan penambahbaikan portal secara berterusan, menaiktaraf versi Joomla! 3.6.5 dari 3.5.1 dan memenuhi Penilaian Kriteria Laman Web Pusat Tanggungjawab (PTj) yang dikeluarkan oleh PPPK.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA LAMAM WEB LAMA



LAMAN WEB BAHARU

The screenshot displays the new website interface for the UTeM library. The main focus is the 'INTERLIBRARY LOAN (ILL)' service page. The page includes a navigation menu at the top with links for 'UTAMA', 'TENTANG KAMI', 'PERATURAN', 'STAF', 'BINA', 'PANGKAY', and 'SOLAS LAIN'. Below the navigation, there are several utility buttons: 'ONLINE DATABASE', 'E-LEARNING SERVICES', 'JURNAL', 'TURNITIN', 'UTERBESKUS PROGRAM', and 'USER ACCOUNT'. The central content area features a large banner for the ILL service, stating: 'Service that allow users to borrow and obtain materials that is not available in library. Type of materials that can be borrowed through ILL are books, journal articles and seminar proceedings.' It lists the eligible user groups: 'ONLY FOR: ACADEMIC STAFF, RESEARCHER, UTeM STAF, UTeM STUDENT'. A 'FREE' badge is also present. A contact form is provided with the name 'Noraini binti Mohd Noor', email 'noraini@utem.edu.my', and phone number '06-335 6833'. A 'Send your request to http://bit.ly/2r1an0R' link is also included. To the right, there is a social media link for 'Berita@Laman Hikmah' and a date '14 Jun 2018'. The bottom section of the page contains a 'WAKTU OPERASI' (Operating Hours) table for three campuses: Kampus Industri, Kampus Teknologi, and Kampus Bangsar. It also features a 'PASTIKAN LAIN' section with a photo of the Chief Information Officer, a map of the UTeM campus, and various social media icons. The footer contains logos for 'SOARING UNIVERSITY', 'UTeM', 'UNIVERSITY OF UNIVERSITIES', and 'MyUteM Portal', along with contact information for the library and the date 'Masa Kini 14 Jun 2018'.

INTERLIBRARY LOAN (ILL)

Service that allow users to borrow and obtain materials that is not available in library. Type of materials that can be borrowed through ILL are books, journal articles and seminar proceedings.

ONLY FOR:

- ACADEMIC STAFF
- RESEARCHER
- UTeM STAF
- UTeM STUDENT

FREE

Send your request to <http://bit.ly/2r1an0R>

For further information please contact:

Noraini binti Mohd Noor
 noraini@utem.edu.my
 Tel: 06-335 6833

14 Jun 2018
 Berita@Laman Hikmah

14 Jun 2018
 45 Pendidikan Kita Persekitaran
 Perpustakaan Sepanjang Merga
 Utangaji & Persekitaran

WAKTU OPERASI

KAMPUS INDUSTRI

Isnin - Jumaat: 8:00 am - 10:00 pm
 Sabtu - Ahad: 10:00 am - 8:00 pm

KAMPUS TEKNOLOGI

Isnin - Jumaat: 8:00 am - 7:00 pm
 Sabtu - Ahad: 10:00 am - 8:00 pm

KAMPUS BANGSAR

Isnin - Jumaat: 8:00 am - 7:00 pm
 Sabtu - Ahad: Tutup

Perincian Waktu Operasi Perpustakaan Laman Hikmah

CHIEF INFORMATION OFFICER
 MESSAGE
 CHIEF

Laman Hikmah UTeM

Map showing the location of Laman Hikmah UTeM.

SOARING UNIVERSITY | UTeM | UNIVERSITY OF UNIVERSITIES | MyUteM Portal

Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia
 Telefon: +60-221 9520631 | Faks: +60-221 98111 | Email: info@lamanhikmah.utem.edu.my
 Portal: lamanhikmah.utem.edu.my

Masa Kini 14 Jun 2018

BUSKERS@UTeM

Penganjuran Buskers@UTeM mencipta sejarah apabila buat kali pertama ia diadakan di dataran Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk UTeM pada 27 Oktober 2017. Idea penganjuran yang dicetuskan oleh Encik Mohd Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat telah direalisasikan oleh kumpulan pengerak yang terdiri daripada staf Perpustakaan Laman Hikmah.

Buskers@UTeM membuka tirai dengan persembahan daripada Mario Brothers, kumpulan buskers yang terdiri daripada pelajar UTeM. Seterusnya kemuncak persembahan yang menjadi tumpuan ramai iaitu kumpulan Caliph Buskers tampil membuat persembahan dengan dendangan 12 lagu popular termasuk sebuah lagu baharu yang berjudul Buta.

Buskers@UTeM turut disaksikan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor UTeM dan isteri, Ketua Pegawai Maklumat, Pengarah Pejabat Undang-Undang, Pengarah Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi, Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Pemangku Pengarah Penerbit Universiti dan Timbalan YDP Majlis Perwakilan Pelajar.

Kumpulan pengerak Buskers@UTeM turut mengadakan kutipan amal daripada penonton bagi membantu pelajar-pelajar UTeM yang kurang bernasib baik. Sejumlah sumbangan terkumpul telah diserahkan oleh Khairul Azmi Saad, vokalis Caliph Buskers kepada YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor UTeM.

Buskers@UTeM yang bertemakan 'Express Your Talent' diadakan bertujuan untuk menyediakan satu platform kepada warga staf dan pelajar UTeM serta masyarakat luar bagi menonjolkan kreativiti seni. Perpustakaan Laman Hikmah mengalu-alukan kehadiran *buskers*, penceramah bebas dan para *street art performers* untuk sama-sama menonjolkan bakat. Selain persembahan, Buskers@UTeM turut menyediakan ruang untuk jualan makanan dan minuman kepada pengunjung dengan penyediaannya berkonsepkan pasar malam.

Sesi persembahan akan diadakan secara percuma iaitu pada hari Jumaat setiap minggu dari jam 9.00 malam hingga 11.00 malam kecuali pada minggu peperiksaan dan cuti semester. Manakala jualan makanan dan minuman bermula dari jam 3.00 petang hingga 10.30 malam.

Sehingga kini, Buskers@UTeM telah dianjurkan sebanyak 6 kali dengan penglibatan persembahan daripada pelajar-pelajar UTeM dan pihak luar.





اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS SUMBANGAN BAHAN “KEEP A BOOK ALIVE”

Majlis Sumbangan Bahan ‘Keep A Book Alive’ telah diadakan pada 22 November 2017 bertempat di Ruang Aras Satu Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk. Tujuan utama adalah bagi menunjukkan pergerakan sosial warga UTeM sebagai pengguna yang peka, berinisiatif dan prihatin tentang peranan penting mereka kepada Perpustakaan Laman Hikmah dan memperkasa budaya menyumbang bahan kepada Perpustakaan Laman Hikmah sebagai usaha kecil berimpak besar. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Ts. Dr. Sharin bin Sahib. Majlis ini juga meraikan tetamu khas iaitu Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain bagi menghargai sumbangan beliau menyumbangkan bahan terbanyak bagi tahun 2017 serta simbolik sokongan kepada Kempen ‘Keep Book Alive’ Perpustakaan Laman Hikmah UTeM. Jumlah bahan yang di sumbangkan oleh beliau adalah sebanyak 227 judul dengan anggaran nilai RM50,000.00

